

**Lajim: Jangan keliru tarikh kemerdekaan
Malaysiakini.com
September 13, 2010**

Sambutan Hari Malaysia pada Khamis ini begitu signifikan kepada rakyat Sabah, kata Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Lajim Ukin.

Beliau berkata, ia kerana tarikh itulah rakyat negeri ini mencapai kemerdekaan menerusi pembentukan Malaysia.

Oleh itu, Lajim menyeru semua lapisan masyarakat di Sabah supaya sama-sama menyambut Hari Malaysia yang julung kali diadakan di Padang Merdeka, Kota Kinabalu sebagai memperingati sejarah dan pengorbanan pemimpin lampau yang menjayakan pembentukan Malaysia.

"Inilah masa kita melihat erti kemerdekaan terutama perubahan daripada segi pembangunan yang dilaksanakan di negara ini khususnya di Sabah.

"Jelas sekali Sabah kini sudah semakin maju berbanding masa sebelum pembentukan Malaysia," katanya ketika ditemui pada Majlis Rumah Terbuka beliau sempena Hari Raya di kediamannya di Kampung Klias, dekat Beaufort, hari ini.

Lajim yang juga ahli parlimen Beaufort, berkata sambutan Hari Malaysia pada 16 September ini boleh dijadikan landasan untuk rakyat pelbagai kaum di negara ini memahami sejarah pembentukan Malaysia.

"Kita tidak mahu ada kekeliruan di kalangan rakyat negara ini mengenai tarikh kemerdekaan. Kini kita menyambut Hari Merdeka dan juga Hari Malaysia dan kedua-dua sambutan ini mempunyai latar belakang sejarah tersendiri yang harus difahami.

"Kita harap dengan pengiktirafan yang diberikan oleh kerajaan khususnya Hari Malaysia, tiada lagi pihak yang cuba memutarbelitkan tarikh itu untuk tujuan tertentu," katanya.

Mengulas sambutan Hari Raya Aidilfitri berkata, Lajim berkata, amalan kunjung mengunjung semasa musim perayaan sudah menjadi budaya rakyat Sabah, sekali gus membantu memperkukuhkan perpaduan kaum di negeri ini.

"Ia amat sesuai dan selaras dengan wawasan Perdana Menteri kita (Datuk Seri Najib Razak) yang mahu rakyat pelbagai kaum di negara ini sentiasa bersatu padu melalui konsep 1Malaysia yang menekankan perpaduan nasional," katanya.

-Bernama